

Sasar bina lebih banyak PPA1M menjelang 2020

KUANTAN - Berita baik buat penjawat awam apabila kerajaan melalui Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bercadang membina lebih banyak rumah mampu milik untuk mereka pada masa akan datang, melebihi daripada sasaran awal sebanyak 200,000 unit.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Seri Dr Ali Hamsa berkata, pertambahan tersebut dijangka dapat dilaksanakan berdasarkan permintaan penjawat awam yang sudah melebihi 300,000 unit setakat ini.

"Peringkat awal kerajaan menyasarkan sekitar 100,000 unit sahaja namun telah menetapkan membina 200,000 unit rumah PPA1M menjelang 2020 tetapi berdasarkan perkembangan semasa dan permohonan diterima ia semakin tinggi.

"Kita tidak akan menolak untuk membina lebih banyak PPA1M di seluruh negara berbanding jumlah sasaran awal," katanya.

Beliau berkata dalam satu sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Kunci PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya, di sini, semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan



Ali Hamsa (tiga, kiri) bersama Nicholas (kiri) ketika melancarkan Majlis Penyerahan Kunci PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya, di sini, semalam.

Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif, Adenland (Kuantan) Sdn Bhd, Nicholas Chang.

Harga ditawarkan bagi setiap unit kediaman teres setingkat, teres dua tingkat dan vila dua tingkat itu adalah antara RM188,200 hingga RM375,800.

"Di Pahang sahaja, terdapat 4,629 unit PPA1M telah diluluskan untuk pembangunan termasuklah di PPA1M Aspen, Taman Kuantan Jaya yang dibangunkan Adenland

(Kuantan) Sdn Bhd.

"Sebanyak 197 unit telah siap dibina dengan bantuan subsidi kerajaan dan pemiliknya sudah terima kunci. Malah terdapat kira-kira 86 unit rumah diperuntukkan untuk pasaran terbuka.

"Bagi mereka yang gagal memohon masih ada lagi kira-kira 558 unit PPA1M Aspen Taman Kuantan Jaya Fasa 3 yang akan dibina dalam tempoh kira-kira dua tahun lagi dan permohonan akan dibuka tidak lama lagi," katanya.